

Majlis Tertinggi tidak paksa ahli Umno terima nasihat

6 JAN 2000

ALOR STAR, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ahli Umno tidak dipaksa untuk menerima syor Majlis Tertinggi (MT) supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan parti Mei ini.

Perdana Menteri berkata, penendirian MT itu hanya sebagai nasihat dan bukan arahan. Kerana itu, bahagian mempunyai hak sama ada untuk mematuhi atau tidak cadangan itu.

“Itu keputusan MT. Bukan saya yang buat keputusan, MT buat keputusan.” katanya kepada pemberita sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini, petang ini.

Beliau mengulas laporan akhbar

ini hari ini mengenai perbezaan pendapat terhadap syor MT supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

Laporan itu memetik kenyataan ahli dan ketua cawangan Umno di beberapa negeri yang berpendapat dua jawatan itu perlu dipertandingkan selaras dengan demokrasi dan keterbukaan yang menjadi amalan Umno selama ini.

Mesyuarat MT dua hari lalu mengesyorkan Dr Mahathir dicalonkan semula sebagai presiden Umno dan Abdullah dicalonkan untuk jawatan timbalan presiden.

Abdullah, salah seorang naib presiden, kini menjalankan tugas sebagai timbalan presiden beriku-

tan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1998.

Ditanya sama ada kenyataannya bermaksud ahli diberi kebebasan untuk menerima atau menolak nasihat MT itu, Dr Mahathir berkata:

“Orang nak kata apa, katalah...(jika) tak mau dengar (nasihat) tok sah (dengar)...kita nasihat saja...kalau tak mau dengar nasihat tak apa...yang ni (syor) nasihat Majlis Tertinggi, bukan nasihat saya.”

Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak perlu memberi sebarang reaksi terhadap kenyataan ahli Umno itu kerana ia tidak perlu dan menjadi hak mereka untuk bertind-

Perdana Menteri berkata, tindakan tidak akan diambil terhadap mana-mana bahagian yang tidak setuju dengan cadangan MT itu.

Ketibaan Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut Menteri Besar Datuk Syed Razak Syed Zain, ahli Exco dan pegawai kanan kerajaan.

Perdana Menteri berada di Kedah untuk majlis berbuka puasa dengan pengundi kawasan Parlimen Kubang Pasu di Kampung Bukit, Jitra.

Sejurus tiba, Dr Mahathir dan isteri terus ke Pekan Rabu di sini untuk mengambil pelbagai jenis kuih tradisional dan kelengkapan Aidilfitri yang dipesan ketika lawatan sebelum ini.